

05/02/2001

Mencari kepastian isu penggiliran KM Sabah

Lichong Angkui

PERSOALAN pokok sama ada sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah diteruskan atau sebaliknya belum ada jawapan.

Yang pasti, isu berkenaan terus menjadi perbincangan hangat sejak kebelakangan ini dan penyandanginya, Datuk Osu Sukam, terus menjadi tumpuan kalangan pemerhati politik tempatan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang melawat Sabah minggu lalu selama tiga hari, tidak memberi sebarang komen berhubung isu berkenaan sekalipun sumber-sumber dalaman memberitahu isu penggiliran ada diungkit dalam pertemuan Abdullah dengan Badan Perhubungan Umno Sabah di Nexus Karambunai Resort.

Dengan tempoh dua tahun Osu sebagai Ketua Menteri semakin hampir ke penghujungnya, persoalan mengenai siapa selepas Osu terus berlegar dalam setiap perbincangan politik di Sabah hari ini.

Barisan Nasional (BN) Sabah sejak awal-awal lagi bagaimanapun sudah menyerahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membuat keputusan mengenai isu penggiliran itu, suatu tindakan yang dilihat sebagai untuk mengelak kontroversi berpanjangan.

Namun, masih ada kedengaran suara-suara nyaring mahukan sistem itu diteruskan dan tidak kurang pula yang mahukan ia dikaji semula sama ada sesuai diteruskan atau sebaliknya.

Dengan demikian, penyelesaian isu penggiliran ini mungkin tidak semudah yang dijangkakan. Ini kerana sekali pun BN Sabah sudah menyerahkan perkara itu kepada Perdana Menteri, parti komponen BN di negeri ini masih tiada persepakatan mutlak.

Parti berteraskan Bumiputera bukan Islam (yakni mewakili masyarakat Kadazandusun/Murut) masing-masing menuntut jawatan itu. Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Bersatu (Upko) pimpinan Tan Sri Bernard Dompok dan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) yang diterajui Tan Sri Joseph Kurup, saling melobi dan bersaing sesama sendiri.

Jika sistem itu diteruskan dan diberi kepada kuota Bumiputera bukan Islam, mungkin sukar menentukan sama ada pemimpin Upko atau PBRS dilantik sebagai Ketua Menteri kerana kedua-duanya pun mengakui sebagai pejuang yang mewakili masyarakat Kadazandusun/Murut.

Demikian juga jika jawatan itu diberi kepada kuota Cina selepas ini. Siapakah di antara pemimpin Parti Maju Sabah (SAPP) yang diterajui Datuk Yong Teck Lee atau Parti Liberal Demokratik (LDP) pimpinan Datuk Chong Kah Kiat, yang dilantik memandangkan kedua-dua parti itu mewakili masyarakat Cina di Sabah dan mempunyai wakil dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah.

Akhir-akhir ini ada beberapa nama disebut-sebut kemungkinan dilantik sebagai Ketua Menteri jika sistem itu diteruskan. Pemerhati politik meramalkan jika jawatan Ketua Menteri diberi kepada PBRS, kemungkinan Kurup menjadi pilihan atas kapasiti sebagai presiden, walaupun sekadar menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) dilantik. Kemudian pilihan kedua, timbalannya, Datuk Dr Jeffrey Kitingan, yang mengetuai lima Adun pembangkang Parti Bersatu Sabah (PBS) menyertai PBRS tahun lalu.

Sekiranya jawatan Ketua Menteri diberi kepada Upko pula, Dompok mungkin tidak dapat dilantik disebabkan tidak menjadi Adun yang menjadi syarat dalam Perlembagaan Sabah. Justeru, kemungkinan Timbalan Presiden, Datuk Wilfred Bumburing (Adun dilantik), Datuk Wences Anggang (Setiausaha Agung/Adun kawasan Kuala Penyu) atau Datuk Siringan Gubat (Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Pemakanan/Adun kawasan Ranau).

Sementara jika jawatan diberi kepada kuota Cina terlebih dulu, nama Datuk Chong Kah Kiat, yang juga Adun kawasan Kudat, nampaknya kerap menjadi sebutan ramai. Penganalisis politik tempatan berpendapat mungkin akan sukar Datuk Yong Teck Lee, dilantik sekali lagi memandangkan beliau sudah menyandang jawatan itu sebelum ini.

Namun, disebabkan BN Sabah sudah menyerahkan kepada Perdana Menteri memutuskan berhubung perkara itu, tidak mustahil sekiranya pemimpin yang tidak pernah disebut tiba-tiba menjadi pilihan.

Tidak mustahil juga jika pemimpin Bumiputera bukan Islam dari Umno sendiri dipilih kerana sistem itu berkehendakkan penggiliran jawatan Ketua Menteri kepada Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina - ini bermakna tidak semestinya menggilirkan jawatan itu kepada parti-parti komponen BN.

Hakikatnya, perbincangan mengenai isu penggiliran ini semakin hangat diperkatakan. Justeru, ia menuntut suatu penyelesaian muktamad yang dapat diterima oleh semua pihak dengan baik.

Dalam mencari kepastian ini, ia tentunya mengambil kira senario politik Sabah dan keadaan pada masa depan. Yang penting, kerajaan BN Sabah yang dibentuk sejak 1994 dengan berpaksi kepada amalan permuafakatan serta perkongsian kuasa, berjaya mewujudkan kematangan serta kestabilan politik selain kemajuan yang lebih pesat berbanding sebelumnya.

(END)